

23 OCT 2003
AZMI-FELCRA
FELCRA MUNGKIN DISENARAIKAN DI BSKL

IPOH, 23 Okt (Bernama) -- FELCRA Berhad mungkin menjadi agensi kerajaan kedua daripada sektor perladangan, selepas FELDA, yang akan disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), kata Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Azmi Khalid.

Beliau berkata banyak pihak termasuk kerajaan sendiri telah mencadangkan supaya FELCRA di senaraikan di BSKL kerana agensi itu telah mencapai standard yang ditetapkan.

"FELCRA mempunyai prestasi yang baik. Jika ia mampu untuk terus memberi manfaat kepada kumpulan sasar dan mendapat keuntungan, mengapa tidak disenaraikan (di BSKL) supaya ia boleh mengembangkan sayapnya bukan sahaja melabur di dalam negara tetapi di luar negara.

"Dengan itu hasilnya akan dapat dilimpahkan kepada pihak-pihak lain seperti pemilik-pemilik saham selain kumpulan-kumpulan sasar yang sedia ada. Jika usaha seperti ini digemblengkan, anak-anak syarikat FELCRA juga boleh mencapai kejayaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Akauntan Awam Bertauliah (CPA) Australia dan Kerajaan Negeri Perak, di sini hari ini.

Seminar sehari bertema "IKS: Enjin Pertumbuhan" itu disertai 210 peserta, kebanyakan anggota CPA Australia, pegawai kerajaan, ahli akademik dan ahli perniagaan.

Beliau berkata kementerian itu sentiasa menyokong agensi-agensi kerajaan yang berjaya seperti FELCRA yang mempunyai rekod kewangan yang baik, disenaraikan di BSKL.

"Dengan penyenaian, lebih banyak kumpulan sasar bagi FELCRA akan diwujudkan. Selain itu, peneroka FELCRA mungkin berpeluang mendapat limpahan pendapatan," katanya.

Azmi bagaimanapun berkata perkara ini (penyenaian) masih belum dibincangkan dan kementerian juga belum bercadang membawa perkara ini ke kabinet," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sewaktu membentangkan Bajet 2004 bulan lepas mengumumkan bahawa Felcra akan disenaraikan di BSKL.

Sabtu lepas, Pengerusi Felcra Datuk Hamzah Zainuddin berkata Felcra bersedia mengikut jejak langkah Felcra untuk disenaraikan di BSKL dan berkata langkah penyenaian Felcra lebih mudah kerana agensi itu sudah dikorporatkan.

Dalam perkembangan lain, Azmi berkata kementerian itu sedang mengkaji kuantiti penghasilan minyak kelapa sawit daripada buah tandan segar di ladang-ladang agensi kerajaan yang didapati kurang berbanding hasil di ladang swasta.

Beliau berkata kadar perahan minyak di ladang swasta didapati lebih tinggi.

"Jadi kita kena perhatikan dan kaji perkara tersebut," katanya.

-- BERNAMA
KAY LAT ZK